

TEKS UCAPAN

BRIG JENERAL DATO PROF DR KAMARUDIN HUSSIN,

NAIB CANSELOR UniMAP

SEMPENA PERASMIAN BENGKEL PENGURUSAN,

PENYELENGGARAAN & SERVIS BANGUNAN SERTA

PERLANCARAN WEBSITE SEMINAR PENDIDIKAN

MELAYU ANTARABANGSA (SePMA 2010)

Bismillah Hirahman Nirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Malaysia.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali B. Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar B. Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-
ketua Jabatan UniMAP,

Wakil-wakil Industri, wakil-wakil media,

Sekretariat bengkel & SePMA

Dan seterusnya para peserta dan hadirin yang dihormati
sekalian.

Selamat Petang, Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An Khair dan Ra Thri Sawat

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kunia dan keizinan-Nya maka dapat kita sama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Bengkel Pengurusan, Penyelenggaraan & Servis Bangunan serta Perlancaran Website Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) yang dijadualkan berlangsung pada tahun hadapan. Sesungguhnya dengan kehadiran tuan-puan sekalian memeriahkan lagi majlis pada malam ini.

Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada jawatankuasa yang bertungkus lumus dalam merealisasikan bengkel yang julung kali diadakan ini dan juga jawatankuasa SePMA yang berjaya menyiapkan website untuk dilancarkan. Tahniah saya ucapkan.

Hadirin sekalian,

Saya difahamkan oleh jawatankuasa seramai 85 orang perserta yang hadir bagi Bengkel Penyelenggaraan Bangunan Fasa 1 kali ini yang melibatkan semua IPTA. Saya amat berbesar hati dan mengucapkan SELAMAT DATANG kepada tuan-puan semua ke UniMAP. Bengkel ini dianjurkan oleh Pengurusan Kolej Kediaman UniMAP, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Pusat Pusat Kejuruteraan dengan kerjasama Majlis Perumahan

Universiti-universiti Malaysia (MAPUM) dan Construction Research Institute Of Malaysia (CREAM).

Hadirin sekalian,

Bengkel yang diadakan ini bertujuan untuk memberikan ilmu pengurusan dan penyelenggaraan bangunan asas terutamanya kepada kakitangan universiti yang terlibat dengan penyelenggaraan bangunan kolej kediaman dan asrama universiti. Dalam pada itu juga sesuai dengan hasrat MAPUM untuk memberi servis yang terbaik kepada semua penuntut. Maka dengan adanya bengkel seperti ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan kepada kakitangan dalam menguruskan hal penyelenggaraan premis kolej kediaman dengan berkesan dan efisyen.

Hadirin Sekalian,

Hari ini juga UniMAP melangkah setapak lagi kehidupan. Walaupun dikenali sebagai Universiti Kejuruteraan, namun atas kapisiti kepentingan sosial pendidikan khususnya kepada survival bangsa Melayu, UniMAP akan menganjurkan satu program yang diberi nama Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) pada Februari 2010. Seminar yang berobjektif menganalisa, menghujah dan membincangkan prestasi pendidikan bangsa Melayu di peringkat global bakal menghimpunkan cendikiawan dari seantero dunia. Seminar ini merupakan anjuran bersama UniMAP dan Sekretariat Dunia Melayu Dunia Islam,

Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Utusan Melayu Malaysia Bhd. Dan mengorak ke arah itu, malam ini kita turut akan lancarkan bersama website SePMA .

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa kedua-dua program kerana sesungguhnya usaha murni ini telah dan bakal menempa nama UniMAP di persada dunia pendidikan global. Semoga dengan majlis yang dianjurkan pada malam ini dapat mengeratkan hubungan sesama kita yang sedia terjalin.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh